

17 JUL 1998

Samy-Lebuh Raya

LEBUHRAYA PANTAI TIMUR DICADANG DIBINA SERENTAK

KUALA TERENGGANU, 17 Julai (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji cadangan supaya kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dari Karak di Pahang ke Cendering di Terengganu dimulakan serentak di kedua-dua negeri itu, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarah Unit Perancang Ekonomi (UPEN) untuk mengkaji cadangan itu sama ada Terengganu boleh membantu syarikat yang diberi tanggungjawab pembinaan itu jika pembinaannya dijalankan sekaligus di kedua-dua negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung MIC di sini.

Beliau berkata cadangan lebuhraya itu dibina serentak dibuat oleh Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad di Kuala Lumpur semalam.

Lebuh raya sepanjang 336 kilometer itu melibatkan laluan baru sepenuhnya antara Karak-Jabor-Cendering dan menelan kos RM3 bilion. Kerja pembinaan dijangka dimulakan Oktober ini.

Konsesi pembinaan itu diserahkan kepada satu konsortium yang diketuai oleh Malaysian Mining Corporation (MMC).

Jika cadangan pembinaan serentak itu diluluskan, ini bermakna kerja-kerja pembinaan akan dimulakan serentak di kedua-dua negeri iaitu di Cendering di Terengganu dan Karak di Pahang.

Beliau berkata kedua-dua negeri juga telah memberi persetujuan untuk menjalankan proses pengambilan tanah secara serta-merta apabila laluan lebuhraya itu telah dikenal pasti.

Ditanya mengenai kegawatan sekarang, Samy berkata buat masa ini kos pembinaan masih tidak berubah tetapi ia tetap tertakluk kepada kedudukan harga semasa barangan pembinaan.

"Kementerian sudah arahkan kerja-kerja pembinaan menggunakan jentera dan barangan tempatan yang telah sedia ada bagi mengurangkan kos...mengikut jadual asal dan pembinaan lebuhraya itu dijangka mengambil masa selama tiga tahun," katanya.

Beliau berkata dengan siapnya lebuhraya itu, ia mampu menjadi pemangkin daripada segi ekonomi, pelancongan dan kemajuan di kedua-dua negeri serta mendekatkan hubungan dengan negeri-negeri di pantai Barat.

Ketika ditanya mengenai masalah air di Lembah Kelang, Samy berkata, minggu depan beliau akan pergi melawat loji pembersihan air baru di Wangsa Maju yang bernilai RM136 juta yang difahamkan telah siap semalam.

"Loji itu menggunakan sistem baru yang lebih mekanikal dan dijangka boleh membersihkan air dalam jangka masa dua dan tiga minggu lagi," katanya.

Selain itu, Jabatan Kerja Raya juga telah menandatangani satu perjanjian baru-baru ini untuk membawa air dari Sungai Gombak ke loji air di Wangsa Maju melibatkan kos RM29 juta.

-- BERNAMA

SBS PR